**1223/2**
**Pendidikan Islam**
**Kertas 2**
**Ogos**
**2019**
**Peraturan**
**Pemarkahan**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5**
**SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSMNS.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

**Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak**

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | **Dua ciri pakaian yang dilarang ke atas wanita muslim**<br><br>- Nipis dan jarang<br>- Ketat hingga menampakkan susuk badan<br>- Pakaian yang mencolok mata<br>- Pakaian melambangkan upacara agama lain<br>- Pakaian yang berlawanan dengan jantina | [2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | **Dua langkah yang sesuai untuk mendidik anak-anak supaya menutup aurat**<br><br>- Melatih mereka berpakaian menutup aurat sejak kecil / (*1m*) **agar** terbiasa dengannya apabila dewasa. / (*1m*)<br>- Memberikan didikan agama yang sempurna berkenaan aurat / (*1m*) **agar** mengetahui ia merupakan perintah Allah SWT. / (*1m*)<br>- Mengingatkan mereka tentang azab Allah SWT jika tidak menutup aurat / (*1m*) **agar** timbul kesedaran dalam diri.<br>- Menceritakan kepada mereka kelebihan sekiranya mereka menutup aurat / (*1m*) ***agar*** sentiasa taat dan patuh perintah Allah SWT. / (*1m*)<br><br>**Catatan** : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2isi x2m=4m]<br><br>1 isi=1m<br>1 huraian=1m |
| | | (iii) | **Dua akibat mengabaikan perintah tuntutan menutup aurat**<br><br>- Menyebabkan berlakunya maksiat dan zina.<br>- Hidup akan dimurkai oleh Allah SWT.<br>- Dipandang hina/dibenci oleh masyarakat sekeliling<br>- Menjatuhkan maruah diri dan keluarga<br>- Maruah dan nama baik keluarga akan tercemar | [2isi x2m=4m] |
| | (b) | (i) | **Maksud wali Allah**<br><br>- Wali Allah ialah manusia biasa yang beriman, bertaqwa / (*1m*) dan istiqamah melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya secara zahir dan batin./ (*1m*) | [2isi x 1m=2m] |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua tujuan Allah SWT memberi ancaman memerangi orang yang memusuhi wali-Nya.**<br><br>- Supaya syiar Islam dapat ditegakkan<br>- Supaya perintah Allah SWT terlaksana di muka bumi ini<br>- Supaya tidak berlaku penyelewengan terhadap akidah Islam | [2isi x2m=4m] |
| | | (iii) | **Dua kelebihan mengamalkan ibadat nawafil dalam kehidupan seorang pelajar.**<br><br>- Hidup akan diberkati/dirahmati/disayangi/dikasihi oleh Allah SWT<br>- Dapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT<br>- Dapat ketenangan jiwa dalam beribadat<br>- Dipandang mulia oleh masyarakat sekeliling<br>- Mudah menerima ilmu yang disampaikan guru<br>- Dapat menghindarkan diri daripada gejala sosial/maksiat<br>- Doa dimakbulkan dan diterima oleh Allah SWT<br>- Merasakan diri dekat dengan Allah SWT<br><br>**Catatan** : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2isi x2m=4m] |
| 2 | (a) | (i) | **Dua nasihat Lukman al-Hakim yang lain**<br><br>- Menunaikan solat<br>- Melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran<br>- Jangan memandang rendah kepada orang lain/jangan memalingkan muka<br>- Jangan bersikap sombong.<br>- Berjalan dengan sopan<br>- Merendahkan suara apabila berbicara<br><br>**Catatan** : Bersabar ketika ditimpa bencana tidak diterima | [2isi x1m=2m] |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua cara mengamalkan sifat sabar dalam kehidupan seharian**<br><br>- Dapat menahan diri ketika marah<br>- Sentiasa redha apabila ditimpa penyakit/musibah/ujian/dugaan<br>- Sentiasa melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya<br>- Sentiasa menjauhkan diri daripada maksiat<br>- Berfikir secara positif sebelum bertindak | [1isi x2m=2m] |
| | | (iii) | **Kebaikan mengamalkan sifat sabar**<br><br>- Dikasihi dan dirahmati/disayangi/diberkati Allah SWT / (*1m*) **kerana** redha dengan ujian Allah./ (*1m*)<br>- Hubungan silaturrahim dapat dijaga /(*1m*) **kerana** mengamalkan akhlak terpuji ./ (*1m*)<br>- Jiwa menjadi tenang /(*1m*) **kerana** sentiasa berfikiran terbuka. (*1m*)<br>- Masalah dapat diselesaikan dengan baik /(*1m*) **kerana** tenang dan bijak menguruskannya./ (*1m*)<br><br>**Catatan** : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2isi x2m=4m]<br><br>1 isi=1m<br>1 huraian=1m |
| | (b) | (i) | **Dua daripada sifat tersebut**<br><br>- Dengki mendengki<br>- Tipu menipu<br>- Benci membenci<br>- Berpaling muka / sombong<br>- Berjual beli atas jualan orang lain | [2isi x1m=2m] |

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|

**(ii)** **Sekiranya anda seorang pemimpin masyarakat, apakah peranan anda untuk mewujudkan situasi seperti gambar di atas?**

[4m]

Isi = 1m
Huraian = 1m
Huraian Lengkap = 1m
Kesimpulan = 1m

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik | 4m |

**Cadangan isi :**

- Menganjurkan program gotong-royong.
- Menganjurkan pertandingan sukan dan permainan.
- Melaksanakan rumah terbuka sesuatu perayaan.

**Contoh jawapan :**

Sebagai seorang pemimpin masyarakat, saya akan menganjurkan program gotong-royong membersihkan kawasan kediaman. /(*1m*) Aktiviti ini dilakukan **agar** semua penduduk dapat bekerjasama dan tolong-menolong dalam tugasan yang dilakukan. /(*1m*) **Kesannya** hubungan silaturrahim antara kaum akan menjadi erat dan mesra. /(*1m*) **Kesimpulannya,** kita hendaklah sentiasa menjaga hubungan baik antara kaum **kerana** ia akan melahirkan sebuah negara yang aman dan harmoni. /(*1m*)

**(iii)** **Pengajaran daripada hadis di atas selain daripada mengekalkan perpaduan dalam masyarakat.**

- Kita hendaklah mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan /(*1m*) **agar** negara menjadi aman dan makmur. /(*1m*)
- Kita hendaklah menjaga perhubungan silaturrahim /(*1m*) **agar** perpaduan dapat dibina. /(*1m*)
- Kita hendaklah menjauhi sifat dengki-mendengki/(*1m*) **kerana** ia boleh memecah belahkan masyarakat. /(*1m*)

[1isi x2m=2m]

1 isi=1m
1 huraian=1m

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Catatan :**<br>- Mana-mana jawapan lain yang berkaitan dengan isi hadis / sifat negatif yang terdapat dalam hadis boleh diterima sebagai isi diterima. | |
| | (c) | | Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D yang betul daripada jadual di atas.<br>Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.<br>(i) B<br>(ii) C<br>(iii) D<br>(iv) A | [4x1m=4m] |
| 3 | (a) | (i) | **Dua balasan Allah SWT terhadap golongan yang mempersendakan agama**<br>- Diberi minuman air panas yang menggelegak<br>- Dikenakan azab seksaan yang pedih<br>- Dimasukkan ke dalam api neraka | [2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | **Tindakan bagi memupuk penghayatan Islam dalam kalangan remaja masa kini**<br>- Sentiasa mengadakan program keagamaan yang sesuai dengan remaja seperti forum, ceramah dan diskusi.<br>- Melaksanakan kempen cara hidup dan penghayatan Islam<br>- Mengedarkan risalah-risalah yang menerangkan tentang kebaikan agama Islam<br>- Membuka kelas pengajian ilmu fardu ain dan fardu kifayah<br>- Memperkukuhkan ukhwah Islamiah dalam kalangan remaja Islam<br><br>**Catatan** : Jawapan umum yang tidak menunjukkan tindakan – tidak diterima. | [1isi x2m=2m] |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>

**Akibat yang akan berlaku kepada golongan remaja sekiranya sikap ini wujud dalam diri setiap ibu bapa**

<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu hujah sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan hujah berserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>

**Cadangan isi :**
- Golongan remaja akan rosak akhlak dan sahsiah.
- Golongan remaja tidak lagi menghormati ibu bapa
- Golongan remaja akan terdedah untuk melakukan maksiat dan jenayah.

</td><td>[4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian Lengkap = 1m<br>Kesimpulan = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

**Contoh jawapan :**
Sekiranya sikap ini wujud dalam diri setiap ibu bapa golongan remaja akan rosak akhlak dan syahsiah./(*1m*) Ini **kerana** golongan remaja ini bebas bergaul serta bersosial tanpa ada pemantauan daripada ibu bapa. /(*1m*) **Kesannya** remaja tidak lagi menghormati ibu bapa dan terdedah untuk melakukan perkara maksiat, dosa dan jenayah. /(*1m*) **Kesimpulannya,** golongan remaja sangat penting dalam sesebuah negara dan perlu diberi bimbingan agama yang secukupnya **agar** dapat melahirkan generasi yang beriman dan berdaya maju. /(*1m*)

</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>

**Maksud potongan hadis yang bergaris**

- Hidup engkau sebelum mati
- Semasa kamu hidup untuk persediaan matimu.

</td><td>[1isi x2m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>

**Dua cara pengurusan masa yang dituntut dalam hadis.**
- Jangan suka menangguhkan sesuatu pekerjaan
- Merancang masa dengan bijak
- Jangan membazirkan masa
- Menggunakan peluang yang ada untuk meningkatkan ibadah
- Menggunakan peluang masa sihat/hidup untuk melakukan amal ibadat sebagai persediaan untuk akhirat.

</td><td>[2isi x1m=2m]</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Berdasarkan ungkapan di atas, bagaimanakah anda menjaga kepentingan masa sebagai sesuatu yang berharga dalam kehidupan seorang muslim. | [4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian Lengkap = 1m<br>Kesimpulan = 1m |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu hujah sahaja | 1m |
| Menyatakan hujah berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| Menghuraikan hujah berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh atau sebab atau dalil sokongan.<br>Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik | 4m |

**Cadangan isi :**

- Rancang penggunaan masa dengan bijak dengan melakukan aktiviti yang berfaedah
- Membuat jadual harian dan mematuhinya
- Elakkan dari menangguh tugasan pada masa yang telah ditetapkan
- Peruntukkan masa untuk belajar, beribadah, beriadah, dan berehat dan mematuhinya

**Contoh jawapan :**

Saya akan merancang penggunaan masa saya dengan bijak dengan melakukan aktiviti yang berfaedah dan berjadual. / (*1m*) Ini bertujuan **agar** tugasan dan ibadah dapat dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dan berkualiti. / (*1m*) **Kesannya** hidup akan menjadi tenang kerana tugasan dan ibadah dapat disempurnakan dengan baik. / (*1m*) **Kesimpulannya,** kita hendaklah menggunakan masa dengan sebaik mungkin **kerana** masa amat berharga, jika ia berlalu, ia tidak akan kembali lagi. / (*1m*)

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti di dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja secara mendatar.**<br>- 2 , 4 , 1 , 3<br>**Catatan** : Hanya 2,4,1,3 yang ditulis secara mendatar sahaja diterima | [4x1m=4m] |
| 4 | (a) | (i) | **Dua kaum tersebut**<br>- Kaum Ad / Kaum Nabi Hud<br>- Kaum Thamud / Kaum Nabi Saleh<br>- Kaum Nabi Luth<br>- Kaum Nabi Nuh | [2isi x1m=2m] |
| | | (ii) | **Dua sebab mereka dibinasakan oleh Allah SWT**<br>- Mereka menolak ajaran nabi yang diutuskan<br>- Mereka tidak bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah SWT<br>- Mereka melakukan maksiat seperti homoseks<br>- Mereka bersikap sombong dan angkuh<br>- Mereka menggunakan nikmat Allah SWT untuk melakukan larangan Allah SWT | [2isi x2m=4m] |
| | | (iii) | **Dua usaha bagi mengelakkan diri daripada termasuk dalam golongan tersebut**<br>- Sentiasa patuh dan melakukan suruhan Allah SWT /(*1m*) **agar** dapat meningkatkan keimanan dalam diri. /(*1m*)<br>- Menggunakan nikmat yang diberikan ke arah kebenaran /(*1m*) **agar** hidup sentiasa diredhai Allah. /(*1m*)<br>- Menjauhkan diri daripada melakukan kemungkaran dan maksiat /(*1m*) **kerana** boleh mengundang kemurkaan Allah. /(*1m*)<br>- Sentiasa bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah SWT /(*1m*) **agar** mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. /(*1m*)<br>**Catatan** : Jawapan umum yang tidak menunjukkan tindakan – tidak diterima. | [2isi x2m=4m]<br>1 isi=1m<br>1 huraian=1m |

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|

**(b)**

**Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris dibawah. Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja**

[4 x1m=4m]

| | |
|---|---|
| 1 | A |
| 2 | B |
| 3 | A |
| 4 | B |

**(c)**

Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

[6m]

عالم سكيتر اياله انتارا تندا٢ كوجودن دان كبسرن الله

الله. اي امت ڤنتيڠ كڤد ماءنسي كران بايق منفعة يڠ

دڤرولهي درڤدڽ سڤرتي سومبر ماكنن , مينومن , تناݢ

دان الت ڤرهوبوڠن

- Calon yang mencuba menulis keseluruhan teks dalam tulisan jawi akan mendapat markah :

| Perkataan betul | Markah |
|---|---|
| 1-5 | 1m |
| 6-10 | 2m |
| 11-15 | 3m |
| 16-20 | 4m |
| 21-25 | 5m |
| 26- 28 | 6m |

- Calon yang menulis beberapa patah perkataan tertentu sahaja (tanpa menulis keseluruhan teks) walaupun betul – (*0 markah*)
- Calon yang berusaha menulis keseluruhan teks dalam tulisan jawi dan tiada yang betul – (*1 markah*)

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | **Maksud hidayah Allah SWT**<br>- Maksud hidayah ialah cahaya petunjuk Allah SWT/(*1m*) yang diberikan oleh Allah SWT kepada sesiapa yang dikehendakiNya *(1m)* | [2isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | **Dua perbezaan antara orang yang mendapat hidayah dengan orang yang tidak mendapat hidayah** | [2isi x2m=4m] |

| Orang yang mendapat hidayah | Orang yang tidak mendapat hidayah |
|---|---|
| - Sentiasa menuntut ilmu | - Malas menuntut ilmu |
| - Istiqamah membaca al-Quran | - Malas / Tidak membaca al-Quran |
| - Taat kepada Allah SWT dan melakukan kebaikan | - Ingkar perintah Allah SWT dan melakukan kejahatan |

**Catatan :** Mana-mana jawapan munasabah diterima.
1. Perbezaan yang tidak setara @ salah - (*1m*)
2. Japawan yang tiada perbezaan – (*0m*)

| | | |
|---|---|---|
| Jawapan betul (*1m*) | Beza setara (*1m*) | 2 m |
| Jawapan betul (*1m*) | Beza tidak setara / salah (*1m*) | 1 m |
| Jawapan betul (*1m*) | Tiada jawapan (*0m*) | 0 m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua pengajaran daripada ayat di atas**<br>- Kita hendaklah berusaha mendapatkan hidayah Allah SWT /(*1m*) **dengan** melakukan amalan fardhu dan amalan sunat /(*1m*)<br>- Umat Islam wajiblah menuntut ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah /(*1m*) **agar** hidup bahagia dunia dan akhirat. /(*1m*)<br>- Kita hendaklah meyakini bahawa al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia/(*1m*) **agar** dapat menjadi pedoman hidup di dunia.<br><br>**Catatan** : Mana-mana jawapan lain yang berkaitan dengan isi ayat diterima. | [2isi x2m=4m]<br><br>1 isi=1m<br>1 huraian=1m |

| No. Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| (b) | | Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris dalam ayat di atas. | [6 x1m=6m] |

| | Hukum tajwid | Cara bacaan |
|---|---|---|
| (i) | Ikhfa' Hakiki | Dengung |
| (ii) | Izhar Syafawi | Jelas / nyata / terang / tanpa dengung |
| (iii) | Wajibul Gunnah | Dengung |

**Catatan :**

| Hukum | Cara Bacaan | Markah |
|---|---|---|
| Betul (1m) | Betul (1m) | 2 markah |
| Salah (0m) | Betul (1m) | 1 markah |
| Betul (1m) | Salah (0m) | 1 markah |

| No. Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| (c) | | Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan jawi. | [4 x1m=4m] |

| | |
|---|---|
| (i) | Sebagai khalifah manusia diberi amanah untuk melaksanakan perintah Allah SWT |
| (ii) | Golongan musyrik dan munafik sangat benci terhadap ajaran Islam |
| (iii) | Teknik pengurusan masa yang efektif menjamin kecemerlangan hidup |
| (iv) | Semua kerja yang dilakukan mestilah berlandaskan iman iaitu dengan jujur dan ikhlas |

**Catatan :**

1. Kesalahan merumikan lebih daripada 4 perkataan tiada markah ( *0m* )
2. Huruf ringkas diterima seperti dgn, yg, spt, drp
3. Simbol tidak diterima seperti: n @ &, tidak:x

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**